

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH  
[ SRI GADING ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah persediaan Kementerian dalam menguruskan kaedah pembelajaran IPTA dan IPTS menuju fasa endemik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada 15 Oktober 2021. Selari dengan itu, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kampus bagi Semester 1 Sesi Akademik 2021/2022 dilaksanakan secara hibrid (iaitu secara bersemuka dan dalam talian) dengan pematuhan ketat SOP yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Memandangkan masih terdapat segelintir pelajar yang belum memasuki kampus, pelajar-pelajar ini boleh meneruskan PdP secara dalam talian di lokaliti masing-masing sehingga dibenarkan oleh pihak IPT untuk menjalani PdP secara fizikal.

Dalam hubungan ini, KPT telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi memastikan ketersediaan IPT dalam memberikan suasana PdP hibrid yang kondusif kepada pelajar. Ini termasuklah menyediakan capaian jalur lebar yang bersesuaian di IPT, menaik taraf MYREN, serta memberikan bantuan peranti seperti sumbangan laptop dan pelan data yang bersesuaian kepada pelajar. Selain daripada itu, kurikulum program juga telah disesuaikan dengan kaedah pembelajaran dalam talian dan hibrid. Penyelarasan kandungan program dibuat agar dapat memenuhi keperluan pelajar. Ini mengambil kira kandungan pembelajaran yang memenuhi standard program, pendekatan pembelajaran yang lebih fleksibel dan kaedah penilaian yang berbeza daripada kaedah konvensional.

Langkah-langkah yang saya sebutkan tadi merupakan antara pendekatan yang amat signifikan untuk dilaksanakan oleh IPT, khususnya dalam tempoh negara beralih ke fasa endemik. Kementerian yakin bahawa IPT berupaya untuk meneruskan pelaksanaan PdP hibrid dengan mengambil kira jumlah keberadaan pelajar yang lebih besar, tertakluk kepada keperluan SOP dan pengukuhan pembudayaan norma baharu PdP ketika fasa endemik.

Sekian, terima kasih.